

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (36)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 17 TAHUN 2023

PEMAKAIAN DENGAN PINDAAN PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI UNIVERSITI YANG BERSARA

Pejabat Bendahari

09 Ogos 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 17/2023

**PEMAKAIAN DENGAN PINDAAN PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN
UNTUK MERAIKAN PEGAWAI UNIVERSITI YANG BERSARA**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pemakaian dengan pindaan Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Universiti Yang Bersara.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan pindaan mengenai peraturan untuk meraikan pegawai perkhidmatan awam yang bersara melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 5.2.
- 2.2 Pindaan peraturan berkenaan adalah merangkumi pindaan kadar penyediaan jamuan dan kadar hadiah penghargaan serta syarat-syarat lain yang berkaitan.
- 2.3 Peraturan asal ini telah diguna pakai oleh UTeM dan dimasukkan dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti, Bab F Pembayaran, Peraturan 5.2.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2023 pada 25 Julai 2023 telah meluluskan pemakaian dengan pindaan Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Universiti Yang Bersara.

3.0 PINDAAN

3.1 Pindaan Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Universiti Yang Bersara selaras dengan WP 5.2 dan keperluan universiti adalah seperti berikut:

- i) Kadar penyediaan jamuan dinaikkan daripada RM30.00 kepada RM60.00 (maksimum).
- ii) Kadar Hadiah Penghargaan dinaikkan daripada RM400.00 kepada RM600.00 (maksimum).
- iii) Sijil Penghargaan yang disediakan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PP1.2.10: Sijil Penghargaan Kepada Pesara dan Bekas Pegawai Awam dan pindaannya.
- iv) Sekiranya terdapat keperluan PTj untuk meraikan pegawai yang bersara dalam majlis khas yang berasingan dengan majlis di peringkat Universiti, perbelanjaan ini perlu ditampung melalui **Tabung Kewangan PTj** dan kadar penyediaan jamuan dan hadiah penghargaan adalah tertakluk kepada peraturan ini.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pindaan :
Bab F Pembayaran – Pindaan Peraturan 5.2 Untuk Meraikan Pegawai Universiti Yang Bersara
- 4.1 Tarikh kuatkuasa :
Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan.
- 4.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu :
[Bab F Pembayaran - Pindaan Peraturan 5.2 Untuk Meraikan Pegawai Universiti Yang Bersara](#)

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/FPK/PU2023